

KURSUS ASUHAN PERMATA: IMPLIKASI TERHADAP KUALITI AMALAN PENGASUHAN KANAK-KANAK

PERMATA Childcare Course: The Implication for Childcare Practices Quality

Muhammad Haziq Mohd Sharif¹, Nur Amirah Sidek², Siti Sarah Saharuden³,
Engku Nurul Amilin Engku Azman⁴, Cynthia Saineh⁵, Shu Bo Yue⁶

Fakulti Pembangunan Manusia, Universiti Pendidikan Sultan Idris,
Tanjong Malim, Perak, Malaysia^{1,2,3,4,5,6}

haziqsharifsuhaila@gmail.com¹, mirasidek123@gmail.com²,
sitisarahsaharuden@gmail.com³, amy_engku@yahoo.com⁴,
cynthiabibie93@gmail.com⁵, jennyshu3434@gmail.com⁶

Received: 05 February 2020; Accepted: 04 May 2020; Published: 16 June 2020

ABSTRAK

Kualiti perkhidmatan Taman Asuhan Kanak-kanak (TASKA) bergantung kepada kualiti pengasuh. Oleh itu, kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti perbezaan kualiti amalan pengasuhan antara pengasuh TASKA yang memiliki dan tidak memiliki Sijil Kursus Asuhan PERMATA (KAP). Kajian kes ini melibatkan empat orang pengasuh daripada empat buah TASKA swasta yang dipilih secara persampelan bertujuan. Data diperoleh melalui temu bual semi struktur dan pemerhatian bukan struktur menggunakan catatan nota lapangan. Hasil analisis tematik mendapati kedua-dua orang pengasuh yang memiliki Sijil KAP dengan pengalaman lebih tiga tahun dan kurang tiga tahun menunjukkan amalan pengasuhan yang lebih baik dalam penjagaan dan pengurusan keperluan asas kanak-kanak dan pelaksanaan aktiviti bersama kanak-kanak berbanding dua orang pengasuh yang tidak memiliki Sijil KAP dengan pengalaman lebih tiga tahun dan kurang tiga tahun. Dua orang pengasuh memiliki Sijil KAP tersebut juga mengakui KAP sebagai keperluan meningkatkan kualiti amalan pengasuhan mereka, manakala dua orang pengasuh tidak memiliki Sijil KAP menyatakan pandangan masing-masing. Secara keseluruhan, KAP jelas memberi implikasi terhadap kualiti pengasuhan kanak-kanak awal di TASKA. Dapatan kajian ini menggesa setiap TASKA dalam negara menyediakan pengasuh-pengasuh yang berkualiti dengan kelayakan minimum Sijil KAP bagi menjamin kualiti dalam perkhidmatan asuhan.

Kata kunci: kualiti amalan pengasuhan, pengasuh, Kursus Asuhan PERMATA

ABSTRACT

The quality of Childcare Centre (TASKA) services depend on the quality of caregivers. This study aimed to identify differences in quality of childcare practices between caregivers in TASKA who are with PERMATA Childcare Course (KAP) Certificate and those without it. This case study involved four caregivers from four private TASKA who were selected through purposive sampling. The data were collected through semi-structured interviews and non-structured observations using field notes. The thematic analysis revealed that both caregivers who are with KAP Certificate and have more than three years' experience and less than three years' experience respectively showed better childcare practices to care and manage children's basic needs and to conduct activities with children compared to another two caregivers who are without KAP Certificate but with the same years of experience. Both caregivers with KAP Certificate also admitted that KAP is necessary for them to improve their childcare practices quality while both caregivers without KAP Certificate stated their own opinions. Overall, it is clear that KAP gives an implication on early childcare quality in TASKA. The findings urge every TASKA in this country to produce quality caregivers with the minimum qualification of KAP Certificate to guarantee the quality of childcare services.

Keywords: quality of childcare practices, caregivers, PERMATA Childcare Course

PENGENALAN

Tiga tahun pertama merupakan tempoh kritikal bagi kehidupan seseorang kanak-kanak. Perkara ini telah dijelaskan oleh UNESCO dan UNICEF (2012) iaitu pertumbuhan dan perkembangan kanak-kanak pesat berlaku semasa dalam tempoh tiga tahun pertama dan seterusnya berkembang optimum sehingga mereka mencapai umur lapan tahun. Kanak-kanak pada peringkat bayi dan bertatih memerlukan pengalaman pembelajaran dalam persekitaran asuhan yang berkualiti untuk mereka terus berkembang (Ezell, 2013). Chiam (2008) memperakui kualiti asuhan membantu perkembangan otak kanak-kanak dengan baik, tetapi jika sebaliknya kanak-kanak tidak diberikan rangsangan, pengalaman yang tidak bersesuaian dengan perkembangan dan mengabaikan keperluan mereka, maka perkembangan otak akan terjejas. Tambah beliau, dalam beberapa kes yang lebih parah seperti penderaan dan pengabaian, kanak-kanak secara genetik normal akan mengalami kecelaruan mental atau emosi yang serius. Dengan itu, kualiti asuhan di pusat jagaan atau asuhan amat penting bagi menjamin pertumbuhan dan perkembangan kanak-kanak yang sihat.

Meskipun pengukuran kualiti di pusat asuhan kanak-kanak merangkumi infrastruktur, bahan pembelajaran, kurikulum, pengasuh dan nisbah kanak-kanak dengan pengasuh (Araujo, Dormal, & Schady, 2019), kualiti pengasuh dianggap paling dominan. Pengasuh merupakan watak utama dalam pembentukan diri kanak-kanak selepas ibu bapa (Zaida *et al.*, 2017) dan diibaratkan seperti ibu kedua dalam kehidupan kanak-kanak (Norulhuda, Maisarah, & Ezarina, 2017). Hal ini kerana mereka memainkan peranan yang penting dalam menentukan kualiti pengalaman seharian kanak-kanak termasuklah interaksi langsung bersama kanak-kanak dan bimbingan interaksi kanak-kanak dengan rakan sebaya dan alat permainan (Helmerhorst *et al.*, 2017). Kajian Araujo *et al.* (2019) membuktikan terdapat hubungan yang kuat antara kualiti pengasuh dengan perkembangan kanak-kanak. Oleh itu, bagi sesebuah pusat asuhan, jagaan atau lebih dikenali TASKA mempunyai pengasuh yang berkualiti dijangka akan menjamin tahap kualiti kesejahteraan, keselamatan dan perkembangan kanak-kanak sekali gus perkhidmatan dan kepuasan pelanggan.

Penyataan Masalah

Kualiti pengasuh di TASKA berdaftar seluruh negara masih lagi rendah. 80% atau 13,700 orang pengasuh TASKA berdaftar di bawah Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) seluruh Malaysia dilaporkan masih tidak memenuhi keperluan minimum KAP (Anon, 2018). Dengan statistik ini, tidak dinafikan berlaku banyak kes kanak-kanak di TASKA seperti diberitakan dalam akhbar, televisyen, artikel dan media-media lain. Setiap tahun berlaku peningkatan kes penderaan, pengabaian dan salah laku terhadap kanak-kanak asuhan (Halim, Hasan, Marzuki, & Jais, 2014) dan terdapat juga kes kematian kanak-kanak di pusat asuhan disebabkan oleh kecuaiian (Yatty, 2018). Sebanyak 403 kes kanak-kanak memerlukan pemeliharaan dan perlindungan melibatkan pengasuh (JKM, 2018a, ms.104).

Safiek dan Noor Fadhiha (2019) mendakwa kes-kes kanak-kanak melibatkan pengasuh mempengaruhi persepsi pelanggan dan masyarakat berhubung tahap kualiti perkhidmatan asuhan yang ditawarkan sekali gus merosakkan imej keseluruhan TASKA. Boleh diperkatakan pengabaian kualiti pengasuh merosakkan kepercayaan dan kesetiaan ibu bapa sebagai pelanggan terhadap perkhidmatan asuhan oleh sesebuah TASKA. Oleh itu, memandangkan salah satu isu yang dibincangkan secara berulang-ulang oleh negara-negara serantau Asia Timur dan Pasifik adalah mengenai latihan, pensijilan dan bantuan kepada

pengamal asuhan dan didikan awal iaitu pengasuh dan pendidik (UNICEF & UNESCO, 2012), memahami amalan pengasuhan daripada mereka adalah penting bagi meningkatkan kualiti perkhidmatan sektor asuhan di Malaysia.

Kualiti Asuhan dan Kualiti Pengasuh

Kualiti merupakan asas utama TASKA menggalakkan perkembangan optimum kanak-kanak (Safiek & Noor Fadhiha, 2019). Namun, apakah makna perkataan 'kualiti' bagi anda? Adakah anda memahami kualiti sebagai mutu, nilai, taraf atau standard? Secara fakta, maksud sebenar kualiti berasal daripada perniagaan berhubung memenuhi permintaan dan kehendak pelanggan (Komorowska, 2017). Bagi sektor asuhan, Araujo *et al.* (2019) menjelaskan kualiti asuhan mempunyai konsep yang berbeza-beza merangkumi struktural dan proses. Menurut mereka, kualiti struktural mudah dikendalikan dan diukur merangkumi infrastruktur, ketersediaan bahan pembelajaran dan kurikulum, kelayakan dan pengalaman pengasuh, dan nisbah pengasuh dengan kanak-kanak manakala kualiti proses lebih rumit untuk diukur dan memerlukan pemerhatian serta pengekodan kerana tertumpu kepada dimensi tersirat seperti cara pelaksanaan kurikulum, dan kekerapan, jenis dan sifat interaksi yang berlaku dalam kalangan kanak-kanak, kanak-kanak dengan pengasuh dan ibu bapa dengan pengasuh.

Di negara Malaysia, sektor asuhan kini menjadi sektor perkhidmatan yang penting. Penyertaan ramai wanita dalam pasaran kerja (Ismail & Hanafi, 2015; Safiek & Noor Fadhiha, 2019; Yatty, 2018) meningkatkan lagi permintaan untuk menempatkan anak-anak mereka di pusat asuhan (Ismail & Hanafi, 2015). Oleh kerana kos sara hidup kian meningkat, ibu-ibu terpaksa bekerja untuk membantu kewangan keluarga (Halim *et al.*, 2014). Atas desakan tersebut, lebih ramai kanak-kanak menghabiskan kehidupan awal mereka di TASKA. Meskipun begitu, kualiti perkhidmatan akan terjejas jika terlalu cenderung mengoptimumkan keuntungan (Mustafa & Azman, 2013) atau hanya untuk memenuhi keperluan asas tanpa menghiraukan kualiti (Safiek & Noor Fadhiha, 2019). Misalnya, jika sesebuah TASKA tidak menepati nisbah kanak-kanak dengan pengasuh, perkembangan kanak-kanak akan sering terganggu dan keperluan mereka akan terabai (Zaida *et al.*, 2017). Dengan itu, kualiti amat penting untuk meningkatkan perkhidmatan asuhan sesebuah TASKA.

Merujuk Chiam (2008), perkhidmatan asuhan yang berkualiti mustahil tanpa penyedia asuhan yang berkualiti. Mengikut konteks kajian ini, kenyataan tersebut membawa maksud bahawa perkhidmatan asuhan yang ditawarkan tidak akan berkualiti sekiranya sesebuah TASKA mengabaikan penyediaan pengasuh-pengasuh yang berkualiti. Hal ini kerana pengasuhan yang berkualiti bergantung kepada pengasuh atau pendidik yang berkualiti (Agensi Kelayakan Malaysia, 2014). Halim *et al.* (2014) mengakui kesilapan dalam memilih pengasuh yang betul akan menyukarkan dan menjejaskan perkembangan kanak-kanak.

Menurut Agensi Kelayakan Malaysia (2014), pendedahan pengasuh atau pendidik dalam Pendidikan Awal Kanak-kanak (PAKK) berpotensi meningkatkan profesionalisme mereka kerana melalui PAKK, mereka akan memperoleh pengetahuan mengenai pertumbuhan dan perkembangan kanak-kanak. Pengetahuan ini membantu dan meningkatkan kemahiran pengasuh dalam mengurus tingkah laku kanak-kanak nakal tanpa menjejaskan perkembangan kanak-kanak tersebut (Norulhuda *et al.*, 2017). Araujo *et al.* (2019) mempercayai pengasuh yang berpendidikan dan terlatih dalam PAKK akan dapat

menyediakan lebih banyak aktiviti rangsangan dan perkembangan yang bersesuaian kepada kanak-kanak. Pengasuh atau pendidik yang memahami teori perkembangan kanak-kanak seperti Teori Psikologi Sosial Erik Erikson, Teori Perapatan Bowlby, Teori Pembelajaran Sosial Bandura, Teori Perkembangan Kognitif Jean Piaget dan Vygotsky, Teori Kepelbagaian Kecerdasan Gardner dan Teori Sistem Ekologikal Bronfenbrenner pula akan dapat melaksanakan Kurikulum PERMATA Negara dengan lebih berkesan. Dengan itu, pengasuh yang mempunyai kualiti seperti berkelayakan dalam PAKK bukan sahaja berupaya memberikan amalan pengasuhan yang baik, malah didikan awal yang bersesuaian mengikut perkembangan kanak-kanak. Justeru, tidak dinafikan kualiti perkhidmatan TASKA memerlukan penyediaan pengasuh yang berkualiti.

Kursus Asuhan PERMATA

Menurut Che' Rozaniza *et al.* (2016), komitmen yang tinggi diperlukan oleh pengasuh di TASKA kerana kerjaya ini memerlukan pelaksanaan rutin harian seterusnya merangsang potensi menyeluruh kanak-kanak. Dengan itu, pengasuh dikehendaki memiliki kemahiran dalam mengurus kanak-kanak (Norulhuda *et al.*, 2017). Latihan pengasuh di TASKA dalam asuhan dan didikan awal amat penting bagi menentukan kualiti asuhan dan jagaan kepada kanak-kanak (JKM, 2018b). Melalui KAP, pengasuh dijangka dapat menyediakan kanak-kanak dengan kesejahteraan, keselamatan dan perkembangan menyeluruh kerana kursus ini memberi pendedahan kepada mereka mengenai kemahiran asuhan, penjagaan, didikan dan mengurus kanak-kanak awal. Oleh itu, KAP merupakan inisiatif JKM melahirkan pengamal asuhan yang berkualiti di Malaysia.

Secara khusus, KAP ialah kursus lanjutan daripada Kursus Asas Asuhan Kanak-kanak (KAAK) yang dilaksanakan sejak tahun 1988 dan diwajibkan kepada semua pengamal asuhan di Malaysia tidak kira pengusaha, pengurus, penyelia atau pengasuh berkuat kuasa 1 Januari 2013 (JKM, 2018b). Menurut Zaida *et al.* (2017), kursus ini merupakan kelayakan minimum bagi pengasuh atau pendidik khususnya bagi mereka yang hanya berkelulusan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) untuk membina pengetahuan, kemahiran dan sikap positif terhadap tugas asuhan. Tambah mereka, dengan pengetahuan mengenai perkembangan utama kanak-kanak dari lahir hingga empat tahun, pengasuh atau pendidik akan dapat memastikan aktiviti-aktiviti yang dirancang bersesuaian dengan perkembangan kanak-kanak dan kanak-kanak terhindar daripada risiko kecederaan, kemalangan atau kemudaratan. KAP juga memberi pendedahan kepada pengasuh mengenai Kurikulum PERMATA Negara (Che' Rozaniza *et al.*, 2016). Merujuk Agensi Kelayakan Malaysia (2014, ms.7-8), kursus bagi peringkat Sijil lazimnya bertujuan menyediakan pengasuh atau pendidik dengan kebolehan:

- i. Mempamerkan pengetahuan asas dan kefahaman tentang teras pengetahuan bidang.
- ii. Menggunakan pengetahuan asas untuk menyediakan pengalaman pembelajaran yang bersesuaian dengan perkembangan kanak-kanak.
- iii. Menyedia dan mengekalkan persekitaran yang selamat dan sihat serta mampu memupuk pembelajaran dan pembangunan kanak-kanak.
- iv. Mematuhi nilai profesional, sikap dan etika.
- v. Berkomunikasi dengan kanak-kanak, rakan sekerja, keluarga dan komuniti.
- vi. Menggunakan kemahiran asas penyelesaian masalah dan kemahiran saintifik dalam pengasuhan dan PAKK.
- vii. Memilih dan menggunakan maklumat untuk meningkatkan pembelajaran awal dan pembangunan sendiri.

viii. Mempamerkan kemahiran asas mengendalikan latar persekitaran PAKK.

Objektif Kajian

Kajian ini dilaksanakan bertujuan mengenal pasti perbezaan kualiti amalan pengasuhan antara pengasuh TASKA yang memiliki dan tidak memiliki Sijil KAP. Beberapa objektif khusus telah dibentuk seperti berikut:

1. Menenal pasti ciri-ciri khusus pengasuh di TASKA.
2. Membandingkan kualiti amalan pengasuhan antara pengasuh yang memiliki Sijil KAP dengan tidak memiliki Sijil KAP.
3. Menenal pasti keperluan pengasuh di TASKA untuk meningkatkan kualiti amalan pengasuhan mereka.

METODOLOGI

Reka Bentuk Kajian

Kajian ini menggunakan reka bentuk kajian kes. Merujuk Creswell (2014), kajian kes merupakan reka bentuk kajian kualitatif iaitu penyelidik meneroka secara mendalam sesuatu program, peristiwa, aktiviti, proses, individu atau beberapa individu. Dengan itu, hasil analisis kajian semasa ini dilaporkan secara huraian ayat demi ayat atau frasa demi frasa (*verbatim*) tanpa melibatkan sebarang cerapan statistik. Kajian ini juga dilaksanakan dalam satu jangka masa tertentu (*snapshot study*).

Persampelan Kajian

Kaedah pengumpulan data bagi kajian kualitatif kebiasaannya diperoleh daripada sampel yang lebih kecil berbanding kuantitatif kerana mengambil masa yang panjang (Abdulkareem, Douglas, & Sani, 2018; Creswell, 2014). Oleh itu, dalam kajian ini seramai empat orang pengasuh daripada empat buah TASKA swasta berdaftar di negeri Selangor dan Perak telah dipilih dan dijadikan informan menggunakan teknik persampelan bertujuan. Ciri-ciri umum keempat-empat informan tersebut ditentukan terlebih dahulu seperti dapat dilihat pada Jadual 1 sebelum melaksanakan pungutan data. Bagi memastikan pematuhan terhadap etika kerahsiaan dalam penyelidikan, semua informan yang terlibat diberi gelaran samaran (P).

Jadual 1 *Ciri-ciri Umum Informan*

Informan	Kelayakan Sijil KAP (Ada/Tiada)	Pengalaman (Tempoh Perkhidmatan)
P1	Ada	Lebih tiga tahun
P2	Ada	Kurang tiga tahun
P3	Tiada	Lebih tiga tahun
P4	Tiada	Kurang tiga tahun

Kaedah Pengumpulan Data

Memandangkan kajian ini merupakan kajian kualitatif, pungutan data dilakukan menggunakan kaedah triangulasi iaitu secara temu bual dan pemerhatian. Rasional triangulasi ini adalah untuk melengkapkan, memantapkan dan mengukuhkan pengumpulan data kerana dalam kajian kualitatif, data-data yang dipungut daripada temu bual sebagai data premier manakala pemerhatian dan dokumen sebagai data sekunder (Ghazali & Sufean, 2016). Oleh itu, temu bual dilakukan secara semi struktur bagi membolehkan maklumat yang diperoleh daripada informan lebih luas manakala pemerhatian tidak berstruktur pula menggunakan catatan nota lapangan untuk menyokong data temu bual mengenai kualiti amalan pengasuhan informan. Protokol bagi temu bual ini dibina berdasarkan instrumen Soal Selidik Penilaian Perkhidmatan TASKA di Malaysia (Untuk Pengasuh/Pendidik) (Zaida *et al.*, 2017). Beberapa item soalan dalam instrumen tersebut telah dipilih dan diadaptasi mengikut kesesuaian kajian semasa.

Teknik Analisis Data

Setelah selesai pungutan data, audio temu bual ditranskripsikan dan kemudiannya dilakukan pengekodan bersama-sama data pemerhatian. Lazimnya, analisis data dalam kajian kes ialah tematik iaitu satu teknik untuk mengenal pasti dan menganalisis bentuk (tema) dalam data (Abdulkareem *et al.*, 2018). Oleh itu, dalam kajian ini analisis tematik dilakukan bagi membandingkan kualiti amalan pengasuhan antara informan mengikut tema yang dibentuk berdasarkan data yang telah dikodkan. Analisis ini dilakukan secara manual dan semua interpretasi data dilakukan secara *verbatim*.

DAPATAN KAJIAN

Ciri-ciri Khusus Pengasuh

Semua informan yang ditemu bual memberi maklum balas mengenai diri mereka. Ada yang berkongsi minat yang sama terhadap kanak-kanak. Ada juga yang selesa memilih kerjaya sebagai pengasuh. Ciri-ciri khusus informan-informan tersebut dibincangkan seperti berikut;

a. P1: Memiliki Sijil KAP dan Pengalaman Lebih Tiga Tahun

P1 memiliki Sijil KAP sejak bulan sembilan tahun 2017. Untuk memperoleh sijil tersebut, P1 menduduki kelas, praktikal dan peperiksaan. P1 bekerja sebagai pengasuh di TASKA sejak berumur 19 tahun sehingga kini berumur 24. Oleh itu, pengalaman P1 dalam bidang asuhan adalah selama empat tahun. P1 sangat selesa dengan kerjaya pengasuh kerana sangat meminati kanak-kanak. Hal ini kerana P1 sudah mempunyai pengalaman menjaga anak saudaranya sejak bersekolah di kampung. Sebaik sahaja menduduki Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia (STPM), P1 terus bekerja di TASKA.

b. P2: Memiliki Sijil KAP dan Pengalaman Kurang Tiga Tahun

P2 juga memperoleh Sijil KAP pada tahun yang sama dengan P1. Meskipun P2 sudah memiliki Ijazah dalam PAKK, P2 juga mengambil KAP untuk memperkayakan lagi pengetahuan mengenai kanak-kanak dari lahir sehingga empat tahun. P2 memilih kerjaya sebagai pengasuh di TASKA adalah kerana ingin lebih mengenali dan memahami kanak-kanak terutama mengetahui ciri-ciri bayi. Selain Ijazah, P2 memperoleh pengetahuan

mengenai PAKK daripada penglibatan kursus-kursus dan tunjuk ajar daripada ibu bapa. P2 beranggapan kerjaya ini merupakan tugas yang mulia kerana ilmu yang diberikan kepada kanak-kanak merupakan amalan yang memberi manfaat berpanjangan.

c. P3: Tidak Memiliki Sijil KAP dan Pengalaman Lebih Tiga Tahun

P3 masih belum berpeluang mengikuti KAP. Pengasuh lain bekerja bersama-sama P3 baru sahaja melepasi peperiksaan dan baru sahaja memiliki Sijil KAP. Antara sebab P3 tidak dapat mengikuti KAP adalah kerana P3 perlu menunggu giliran untuk mengikuti kursus tersebut. P3 memilih kerjaya sebagai pengasuh di TASKA adalah kerana mempunyai anak kecil dan meminati kanak-kanak. P3 juga mempunyai pengalaman mengajar di Taman Didikan Awal Kanak-kanak (TADIKA).

d. P4: Tidak Memiliki Sijil KAP dan Pengalaman Kurang Tiga Tahun

P4 tidak mempunyai Sijil KAP dan berpengalaman kurang satu tahun iaitu sembilan bulan. P4 tidak pernah diberi pendedahan mengenai KAP dan pengasuh-pengasuh lain bekerja bersamanya juga tidak memiliki Sijil KAP. P4 memilih kerjaya sebagai pengasuh adalah disebabkan minat bermain bersama dengan kanak-kanak dan mempunyai pengalaman menjaga bayi bersama-sama kakaknya di rumah. P4 lebih selesa menjadi pengasuh di TASKA berbanding kerja terdahulu kerana masa kerja yang lebih fleksibel, majikan menghormati dirinya dan minat mendalam terhadap kanak-kanak.

Kualiti Amalan Pengasuhan

Dua tema utama telah dikenal pasti bagi membandingkan kualiti amalan pengasuhan antara informan. Kedua-dua tema dibincangkan seperti berikut;

a. Penjagaan dan Pengurusan Keperluan Asas Kanak-kanak

Berdasarkan temu bual, KAP banyak membantu P1 dan P2 dalam asuhan. Kedua-dua informan ini dapat membezakan keperluan asas kanak-kanak mengikut umur dan perkembangan. Mereka juga mempunyai kemahiran dalam menjaga dan mengurus keperluan asas kanak-kanak terutamanya bayi.

“Ha, rasa memang sangat membantu lah. Sebab masa kita pergi KAP ni, dia terangkan semua. Ha, dari segi macam aa urus diri, daripada baby sampai empat tahun. Lepas tu, penyediaan makanan semualah.” (P1)

“Ya, melalui kursus KAP pendidik dapat mengetahui cara-cara menjaga infant dan toddler serta mendidik kanak-kanak mengikut milestone perkembangan kanak-kanak.” (P2)

“Mengasuh dan mendidik... Tugas cikgu ialah memberi rangsangan aktiviti kanak-kanak sama ada secara langsung atau tidak langsung, selain mendidik pendidik juga menjaga keperluan asas kanak-kanak.” (P2)

Pemerhatian juga mendapati walaupun P1 tidak ditugaskan mengasuh bayi, P1 telah membantu pengasuh lain memberi susu dan menidurkan bayi. P1 dilihat memegang botol susu dan menepuk bayi dengan teknik yang betul dan lembut. P2 juga mahir dalam mengurus keperluan bayi seperti penyediaan susu, pakaian dan ubat-ubatan. Bagi penyediaan makanan, P1 mengambil makanan daripada tukang masak dan menghidangkan kepada kanak-kanak.

Kanak-kanak bawah umur tiga tahun diberikan makanan secara suapan manakala kanak-kanak besar diberi makan secara sendiri dan kemudiannya P1 membantu mereka membasuh tangan. P2 pula menyediakan makanan mengikut menu dan nutrisi yang ditetapkan oleh TASKA. Dari segi jagaan dan kebersihan kanak-kanak pula apabila P1 bersama bayi, P1 membelek tangan, kaki dan badan bayi tersebut bagi memastikan tiada ruam, gatal-gatal dan lain-lain. P2 pula peka terhadap kebersihan kanak-kanak terutama ketika kanak-kanak membuang air besar dan segera memandikan kanak-kanak yang baru hadir dan sebelum pulang ke rumah ibu bapa.

Perbualan seterusnya mendapati P3 memerlukan bimbingan dan tunjuk ajar daripada kakitangan TASKA yang memiliki Sijil KAP untuk mengurus keperluan asas kanak-kanak. P4 pula berbeza anggapan iaitu mengurus keperluan asas bagi semua kanak-kanak adalah sama.

“Penyelia ada KAP tu akan guard kita macam mana nak mandi budak, macam mana nak mengurus kanak-kanak.” (P3)

“Macam pagi, mula-mula siapkan susu budak, mandikan budak. Mengasuhlah macam jaga budak.” (P4)

Pemerhatian dari segi kebersihan mendapati P3 mengemas TASKA (menyapu, mengemop lantai dan membuang sampah). P4 pula hanya menunjukkan reaksi kebersihan semasa penyediaan makanan.

b. Pelaksanaan Aktiviti bersama Kanak-kanak

Perbualan bersama informan mendapati P1, P2 dan P3 mempunyai pengetahuan dan kepercayaan yang sama terhadap perkembangan dan kemahiran setiap kanak-kanak. Mereka menegaskan aktiviti yang dilakukan mestilah bersesuaian dengan tahap umur dan perkembangan kanak-kanak.

“Ikut umur, ikut perkembangan yang kita dalam milestone PERMATA. Ha, maksudnya dekat buku PERMATA, kita ada milestone, contoh macam perkembangan fizikal kan? Kalau fizikal kita tengok umur tiga tahun, dia dah boleh buat apa, aktiviti yang sesuai dengan dia.” (P1)

“...Mendidik kanak-kanak mengikut milestone perkembangan kanak-kanak kerana guru mendidik mengikut tahap kemampuan kanak-kanak.” (P2)

“Setiap kanak-kanak ada kemahiran dan perkembangan masing-masing. Tahun satu lain, tahun dua lain dan tahun tiga lain. Bila diasingkan sesuai dengan perkembangan mereka.” (P3)

Walau bagaimanapun, P1 dan P2 lebih memahami cara pelaksanaan aktiviti yang bersesuaian dengan perkembangan kanak-kanak. Kedua-dua informan ini memberi contoh yang sama iaitu menggunakan kaedah tunjuk cara (*demonstration*) semasa pelaksanaan aktiviti bersama kanak-kanak. P3 hanya menyatakan aktiviti bagi setiap kumpulan kanak-kanak ditentukan awal tetapi tidak menjelaskan cara pelaksanaannya.

“Contoh, balancing ke. Ha, macam tulah. Tengok dia lepas ke tak buat... Kita kena buat, macam kenapa dia tak boleh lepas. Tengok balik. Tengok pada, kita try pada perkembangan yang lain. Contoh macam yang lain, motor halus dia ke, motor kasar dia tak ok ke kan? Setengah budak, dia kalau macam ada budak yang cikgu dia ajar ni, dia tak boleh koyak kertas tau. Kita kan pakai jari, dia koyak pakai tapak tangan. Tak terkoyak lah benda tu.” (P1)

“Ya, kerana lumrah kanak-kanak suka bermain, dengan ini pendidik perlu menggayakan cara didikan agar kanak-kanak seronok belajar.” (P2)

“...aktiviti kumpulan kita tentukan.” (P3)

Turut sama berbeza seperti perbincangan sebelumnya, P4 menganggap semua kanak-kanak adalah sama. P4 berpendapat bahawa kanak-kanak perlu diasuh dan dididik secara bersama walaupun umur kanak-kanak berbeza-beza. Gabungan umur ini adalah bagi memudahkan P4 mendidik kanak-kanak tersebut.

“Tak, kena gabung. Sebab senang nak ajar.” (P4)

Tambahan daripada pemerhatian, meskipun P1 dan P2 ditugaskan mengurus keperluan asas kanak-kanak serta ruang di dalam TASKA yang terhad, P1 dan P2 cuba melakukan aktiviti di kawasan alternatif bagi merangsang perkembangan kanak-kanak. Misalnya, P1 membentangi tikar plastik di luar TASKA dan memberi kanak-kanak bermain “lego” di situ. P2 pula menyediakan kawasan yang sesuai sebelum memulakan aktiviti. Berbanding P3 dan P4, kedua-duanya hanya melaksanakan rutin asas TASKA. P3 dilihat tidak melakukan sebarang aktiviti, hanya menjaga kanak-kanak dan lebih kepada penyediaan makanan, mengemas dan mengawal pintu pagar masuk dan pintu dapur. P4 juga hanya menjaga kanak-kanak, menyediakan makanan mengikut masa ditetapkan, memandikan dan mengurus tempat tidur kanak-kanak dan tidak menjalankan aktiviti bersama kanak-kanak kerana ruang yang terhad, kekurangan pengasuh dan alatan permainan sedia ada juga terhad.

Keperluan Kualiti Pengasuhan

Tiga tema pula dikenal pasti sebagai keperluan meningkatkan kualiti amalan pengasuhan informan. Setiap tema dibincangkan seperti berikut;

a. Penyertaan dalam Kursus Asuhan PERMATA

Berdasarkan temu bual, kedua-dua informan P1 dan P2 mengakui KAP merupakan keperluan meningkatkan kualiti amalan pengasuhan mereka. P1 mengakui pengalaman sahaja tidak cukup bagi seseorang pengasuh. Melalui KAP, P1 dapat meningkatkan pengetahuan dan amalan pengasuhan seterusnya berkeinginan melakukan aktiviti walaupun hanya ditugaskan menjaga bayi. Bagi P2 pula, KAP sangat penting meskipun memiliki kelayakan Ijazah dalam PAKK. P2 menegaskan KAP merupakan nilai tambah bagi pengasuh untuk memperkaya lagi pengetahuan dan meningkatkan kualiti dalam pengasuhan. Kedua-dua informan P3 dan P4 sangat berbeza kerana mereka mempunyai pandangan tertentu dalam meningkatkan kualiti asuhan mereka.

“Ha, sebab kalau sekadar kita pengalaman tu, kalau kita pergi KAP dia boleh tambahkan lagi kan. Itu pendapat sayalah. Macam saya, kalau sekadar pengalaman je, kita nak juga tahu, ikut procedure dorang, apa yang, ha yang dorang nak bagi dekat kita kalau kita pergi KAP ni...” (P1)

“...Ha, contohnya kalau kita kerja taska, setengah taska dia macam mengasuh je, dia takda aktiviti. Ha, kalau kita pergi KAP sekurang-kurangnya kita tahu. Kalau kita jaga baby, kita ada jugak, kita boleh buat. Tak semestinya jaga baby, takda aktiviti.” (P1)

“Ya, sangat membantu kualiti saya kerana melalui kursus PERMATA banyak ilmu yang saya pelajari dari bayi berumur 0 hingga 4 tahun berbanding semasa saya mengambil degree early childhood.” (P2)

“Ya, KAP sangat penting kerana tidak semestinya yang bekerja di TASKA kelulusan PAKK. Melalui kursus ini pendidik dapat meningkatkan lagi kualiti dalam pengasuhan dan didikan awal kanak-kanak.” (P2)

b. Penganjuran Kursus dengan TASKA Luar

P3 menyatakan kolaborasi TASKA luar dalam sesuatu penganjuran kursus selain KAP memberi pengetahuan, menggalakkan pertukaran idea dan memberi idea baru dalam meningkatkan kualiti asuhan. P3 juga memberi contoh kursus selain KAP seperti bengkel seni dan muzik membantu dalam mendidik kanak-kanak.

“Boleh cuba berkongsi dengan taska dengan kursus lain, macam mana dia orang melakukan aktiviti lain dan digunakan. Boleh kongsi pendapat dia orang kepada kita. Kita juga boleh guna idea mereka dan menggunakan idea kita juga.” (P3)

“Ada ketika masanya kursus-kursus kecilan bengkel untuk digunakan untuk pembelajaran dari semasa ke semasa akan ada bengkel kecil kecilan seperti bengkel seni dan bengkel muzik dan lain-lain bengkel yang boleh membantu untuk mengajar anak-anak.” (P3)

c. Ketersediaan Alat Permainan Kanak-kanak

P4 pula tidak memberi sebarang respon apabila ditanya berkenaan perkara yang membantu kualiti amalan pengasuhannya. Namun begitu, apabila ditanya mengenai keperluan untuk meningkatkan kualiti amalan pengasuhan, P4 percaya bahawa penyediaan alatan permainan yang mencukupi dapat mengelakkan risiko kecederaan dan kemalangan kanak-kanak.

“Peralatan bermain untuk dia orang bermain sebab kalau pasang tv bukan dia orang tengok pun, memang dia orang pergi bermain. Daripada dia orang pukul-pukul, lari-lari sampai cedera. Haa daripada jatuh cedera.” (P4)

PERBINCANGAN DAN IMPLIKASI KAJIAN

Berdasarkan hasil analisis sebelumnya, kajian ini menggambarkan bahawa KAP memberi implikasi yang sangat besar terhadap kualiti pengasuhan kanak-kanak awal di TASKA. Jika

ditafsir secara terperinci, kedua-dua orang pengasuh memiliki Sijil KAP menunjukkan penjagaan dan pengurusan keperluan asas kanak-kanak yang lebih baik berbanding kedua-dua orang pengasuh yang tidak memiliki Sijil KAP. Kedua-dua orang pengasuh memiliki Sijil KAP tersebut mempunyai kemahiran dalam mengurus keperluan asas kanak-kanak terutamanya bayi dengan cara yang betul dan sempurna. Mereka juga dapat membezakan keperluan asas kanak-kanak mengikut umur dan perkembangan. Berbanding pengasuh tidak memiliki Sijil KAP walaupun memiliki pengalaman lebih tiga tahun masih lagi memerlukan bimbingan daripada kakitangan TASKA yang memiliki Sijil KAP dalam mengurus keperluan asas kanak-kanak. Dapatan kajian semasa ini hampir sejajar dengan kajian Helmerhorst *et al.* (2017) yang mendapati latihan mempunyai kesan positif terhadap semua enam kemahiran interaksi pengasuh merangkumi sensitif responsif, penyusunan dan had penetapan, autonomi hormat, komunikasi verbal, rangsangan perkembangan dan pemupukan interaksi positif rakan sebaya.

Selain itu, dari segi pelaksanaan aktiviti, pengasuh memiliki Sijil KAP dengan pengalaman lebih tiga tahun, pengasuh memiliki Sijil KAP dengan pengalaman kurang tiga tahun dan pengasuh tidak memiliki Sijil KAP dengan pengalaman lebih tiga tahun menunjukkan pengetahuan dan kepercayaan yang sama terhadap perkembangan dan kemahiran kanak-kanak. Walau bagaimanapun, dua orang pengasuh memiliki Sijil KAP tersebut lebih memahami cara pelaksanaan aktiviti yang bersesuaian dengan kanak-kanak. Sungguhpun ditugaskan menjaga kanak-kanak khususnya bayi dan ruang di dalam TASKA yang terhad, mereka juga cuba melakukan aktiviti bersama kanak-kanak dengan mencari kawasan alternatif. Dua orang pengasuh tidak memiliki Sijil KAP hanya melaksanakan rutin asas TASKA. Hal ini menunjukkan pengalaman pengasuh sahaja tidak cukup untuk membina kualiti dalam amalan pengasuhan. Oleh itu, dapatan kajian semasa ini agak bertentangan dengan dapatan kajian Araujo *et al.* (2019) iaitu pengalaman pengasuh sahaja mempunyai hubungan dengan tahap tinggi perkembangan kanak-kanak. Begitu juga kajian dalam negara Norulhuda *et al.* (2017) yang mendapati pengalaman sahaja membantu pengasuh di rumah mengurus kanak-kanak dengan lebih baik dan menyediakan persekitaran selamat.

Akhir sekali, kedua-dua orang pengasuh memiliki Sijil KAP mengakui KAP sebagai keperluan untuk meningkatkan kualiti amalan pengasuhan mereka. Berbeza pula pengasuh tidak memiliki Sijil KAP iaitu pengasuh dengan pengalaman lebih tiga tahun menyatakan perlunya penganjuran kursus selain KAP dengan kerjasama TASKA luar manakala pengasuh berpengalaman kurang tiga tahun menyatakan perlunya ketersediaan alat permainan bagi meningkatkan kualiti pengasuhan. Ternyata KAP membentuk pengetahuan, kemahiran dan sikap pengasuh terhadap tugas asuhan (Zaida *et al.*, 2017). Walau bagaimanapun, keempat-empat pengasuh ini berkongsi minat yang sama terhadap kanak-kanak. Mereka selesa bekerja sebagai pengasuh dan komited melaksanakan rutin harian TASKA. Meskipun kualiti yang ditunjukkan berbeza antara pengasuh memiliki Sijil KAP dan tidak, dapatan kajian semasa ini menepati kajian Che' Rozaniza *et al.* (2016) iaitu minat, cita-cita, pengetahuan dan kemahiran dalam asuhan sebagai dorongan pemilihan kerjaya pengasuh di TASKA.

Berdasarkan dapatan ini, boleh dikatakan KAP membentuk profesionalisme pengasuh sekali gus menyumbang kepada kualiti dalam asuhan dan jagaan kanak-kanak di TASKA. Dua orang pengasuh yang memiliki Sijil KAP jelas menunjukkan amalan pengasuhan yang lebih baik dalam penjagaan dan pengurusan keperluan asas kanak-kanak, dan pelaksanaan aktiviti bersama kanak-kanak daripada dua orang pengasuh yang tidak memiliki Sijil KAP. KAP dilihat bukan sahaja membantu pengasuh mengurus keperluan kanak-kanak dengan betul dan sempurna, malah berkebolehan mengendalikan aktiviti yang bersesuaian. Oleh itu,

pengasuh yang tidak memiliki Sijil KAP khususnya yang berpengalaman perlu diberikan peluang, sokongan dan bantuan mengikuti KAP. Dapatan ini menunjukkan seorang pengasuh yang tidak memiliki Sijil KAP dengan pengalaman lebih tiga tahun masih lagi menunggu giliran untuk mengikuti kursus tersebut. Bagaimanapun dapatan ini terbatas untuk menerangkan lebih mendalam kekangan yang dihadapi oleh pengasuh tersebut.

Justeru itu, kajian semasa ini boleh dilanjutkan dengan mengenal pasti kekangan yang dihadapi oleh pengasuh yang tidak memiliki sijil KAP sama ada untuk mengikuti KAP atau mengurus keperluan kanak-kanak. Kajian lain juga boleh dijalankan dengan membandingkan pelaksanaan aktiviti mengikut Kurikulum PERMATA Negara antara pengasuh memiliki dan tidak memiliki Sijil KAP atau memahami persepsi ibu bapa terhadap pengasuh yang memiliki dan tidak memiliki Sijil KAP. Dengan adanya kajian lanjutan seperti dicadangkan, penyelidikan mengenai kualiti asuhan dan didikan awal di Malaysia akan semakin kukuh.

KESIMPULAN

Dapatan kajian ini jelas menunjukkan terdapat perbezaan kualiti amalan pengasuhan antara pengasuh memiliki Sijil KAP dan tidak. Secara ringkas, dua orang pengasuh yang memiliki Sijil KAP menunjukkan amalan pengasuhan yang lebih baik berbanding dua orang pengasuh yang tidak memiliki Sijil KAP. Dapatan kajian ini memberi kefahaman bahawa pengasuh yang memiliki Sijil KAP merupakan pengasuh yang berkualiti. Dengan itu, jika sesebuah TASKA inginkan perkhidmatan asuhan yang berkualiti untuk meningkatkan kepercayaan dan menjamin kesetiaan ibu bapa, penyediaan pengasuh-pengasuh yang memiliki Sijil KAP berpotensi memberi kualiti perkhidmatan tersebut. Pengasuh-pengasuh di TASKA yang hanya memiliki pengalaman sahaja perlu diberi peluang mengikuti KAP kerana melalui kursus ini, pengetahuan, kemahiran, komitmen dan minat mereka dalam kerjaya pengasuhan dijangka akan meningkat.

RUJUKAN

- Abdulkareem, A., Douglas, S., & Sani, Z. (2018). Qualitative data collection, analysis and interpretation in research paradigms: The case of library and information science research. *Academia Journal of Scientific Research*, 6(5), 211-215. doi: 10.15413/ajsr.2018.0301
- Agensi Kelayakan Malaysia. (2014). *Standard program: Pendidikan awal kanak-kanak*. Petaling Jaya, Selangor: Bahagian Standard Agensi Kelayakan Malaysia.
- Anon. (2018, Ogos 12). 80% pengasuh taska tak miliki kelayakan minimum. *Berita Harian Online*. Diperoleh semula daripada <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2018/08/461004/80-pengasuh-taska-tak-miliki-kelayakan-minimum>
- Araujo, M. C., Dormal, M., & Schady, N. (2019). Child care quality and child development. *J. Human Resources*, 54(3), 656-682. doi: 10.3368/jhr.54.3.0217.8572R1
- Che' Rozaniza Azizan, Samsilah Roslan, Siti Nazurana Konaen, Noorlila Ahmad & Hasny@Yanti, Z. (2016). Meneroka peranan dan komitmen di sebalik pemilihan kerjaya pengasuh taska. *International Journal of Education and Training*, 2(2), 1-9.
- Chiam, H. K. (2008). Child care in Malaysia: Then and now. *International Journal of Child Care and Education Policy*, 2(2), 31-41.
- Creswell, J. W. (2014). *Research design: Qualitative, quantitative & mixed methods approaches* (4th ed.). United States of America: SAGE Publications, Inc.
- Ezell, S. (2013). *Early Head Start, curriculum intervention, and outcome measures* (Doctor of education dissertation). Texas A&M University-Commerce.
- Ghazali Darusalam & Sufean Hussin. (2016). *Metodologi penyelidikan dalam pendidikan: Amalan dan analisis*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Halim, R. Ab., Hasan, H., Marzuki, S. Z. S., & Jais, M. (2014). Childcare service quality: Measuring expectations

- of working parents using SERVPERF dimensions. In Kasim, A. et al. (Ed.). *Proceeding of the International Conference on Science, Technology and Social Sciences (ICSTSS) 2012*, Singapore, (p.143-154). doi: 10.1007/978-981-287-077-3_16
- Helmerhorst, K. O. W., Riksen-Walraven, J. M. A., Fukkink, R. G., Tavecchio, L. W. C., & Deynoot-Schaub, M. J. J. M. G. (2017). Effect of the caregiver interaction profile training on caregiver-child interactions in duth child care centers: A randomized controlled trial. *Child Youth Care Forum*, 46, 413-436. doi: 10.1007/s10566-016-9383-9
- Ismail, S. N., & Hanafi, Z. (2015). The level of quality management practices in childcare centers by using a Quality Improvements and Accreditation System (QIAS) Model. *Australian Journal of Basic and Applied Sciences*, 9(18), 108-112.
- Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM). (2018a). *Laporan statistik 2017*. Putrajaya: Bahagian Kawalan Standard, Jabatan Kebajikan Masyarakat, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat.
- Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM). (2018b). Kursus Asuhan PERMATA. Diperoleh semula daripada <http://www.jkm.gov.my/jkm/index.php?r=portal/left&id=UUNhTjJCQnllYjBrUHIBU0tuSFVCDz09>
- Komorowska, H. (2017). Quality assurance in teacher education. *Glottodidactia, An International Journal of Applied Linguistics*, 44(1), 23-38. doi: 10.14746/gl.2017.44.1.02
- Mustafa, L. M., & Azman, M. N. A. (2013). Preschool education in Malaysia: Emerging trends and implication for the future. *American Journal of Economics*, 3(6), 347-351. doi: 10.5923/j.economics.20130306.15
- Norulhuda Sarnon, Maisarah Ali & Ezarina Zakaria. (2017). Amalan persekitaran selamat kanak-kanak dalam kalangan pengasuh di rumah yang tidak berdaftar. *Journal of Social Science and Humanities, Special Issue 3*, 1-15.
- Safiek Mokhlis & Noor Fadhiha Mokhtar. (2019). Hubungan antara kualiti perkhidmatan, kepuasan dan kesetiaan pelanggan dalam industri taska. *Jurnal Inovasi Perniagaan/Journal of Business Innovation*, 4(1), 13-22.
- UNESCO & UNICEF. (2012). *Asia-Pacific end of decade notes on education for all: Early childhood care and education* (Electronic ed.). Asia-Pacific: UNESCO Bangkok, UNICEF EAPRO and UNICEF ROSA.
- Yatty Sulaiman. (2018). The impact of internal market orientation and job satisfaction on employee organizational commitment among Malaysian childcare employees. *International Journal of Economics, Business and Management Research*, 2(4), 585-601.
- Zaida Mustafa, Muhammad Naim Kamari, Putri Zabariah Megat A Rahman, Johari Talib, Azrul Fazwan Kharuddin, ... Siti Farhana Md Yasin. (2017). *Laporan akhir kajian perkhidmatan Taman Asuhan Kanak-kanak (TASKA) di Malaysia*. Petaling Jaya, Selangor: UNITAR International University.